



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMK 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja. Bahagian A wajib dijawab dan pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A.

Jawab semua soalan.

1. (a) Huraikan cakupan bidang kesusasteraan.
(b) Jelaskan kedudukan drama dalam konteks naratif. (25 markah)

2. (a) Huraikan TIGA (3) ciri yang perlu ada pada sesebuah genre epik.
(b) Bincangkan TIGA (3) aspek yang perlu ada pada karya prosa. (25 markah)

Bahagian B.

Jawab DUA (2) soalan daripada bahagian ini.

3. (a) Huraikan TIGA (3) perbezaan antara puisi lama dan moden.
(b) Jelaskan TIGA (3) perbezaan antara puisi dan cerpen. (25 markah)

4. Watak Karim dalam novel *Suami* adalah seorang suami yang amat perihatin. Setujukah anda dengan kenyataan ini? (25 markah)

5. Novel *Penghujung Musim Duka* memaparkan beberapa konflik yang dihadapi oleh watak utamanya. Bincangkan konflik-konflik tersebut dan cara penyelesaiannya. (25 markah)

6. Berdasarkan puisi yang disertakan dalam lampiran, ulaskan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair. (25 markah)

Tukang Besi di Bengkel Kereta Api

dia lelaki muda dari lembah
tak sempat menatap mata ayah
menggenggam hidup warisan alam
menukul besi
menggelek tayar kereta api
wajah merah memain percikan bunga api
ia mengetuk bersama siul kenari dunia baru
menggiling percaturan nafas
tanpa mengenal jalur kesal
demi upah semangkuk sup awal bulan.

dia lelaki tiga zaman
telah dilengkungnya fajar kelabu
telah disilangnya keringat siang
dialah lelaki penakluk malam
menyentik hujan
silih berganti
jari kematunya masih mengetuk jeriji
seperti juga setia dia
menghitung malam
di bengkel tua istirahat seminit berbantal besi
dituangnya kopi sisa semalam
masih jua ia bertasbih
senyum mengenangi dia.

sebatilah alam yang dihirup
darah keringat
demi anak-anak

bisakah satu ketika
putera sulung meng *

kubah haluan?

tukang besi di bengkel kereta api
dialah ayahku
dialah pamanku
abang-abangku
itulah adik-adikku
tapi kalau kalian anak-anakku
kini, harus terdidik dari akademi tukang
yang tak lagi menjadi kuda tunggangan.

(Siti Zainon Ismail, 1984)

-oooOooo-